

0686

U 0667 AAB
MAHATHIR - RASUAH

KUALA LUMPUR, 17 OKT (BERNAMA) -- PENDAPATAN KECIL SESEORANG INDIVIDU, BUKAN MERUPAKAN PUNCA UTAMA RASUAH BERLAKU, SEBALIKNYA IA MUJUD DARIPADA PERASAAN TAMAK DAN HALOBA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

INI KERANA MEREKA YANG BERPENDAPATAN TINGGI JUGA TURUT TERBABIT, MELIBATKAN TUNTUTAN RASUAH YANG LEBIH BESAR, KATA PERDANA MENTERI.

+HAKIKAT INI MENJADI LEBIH JELAS LAGI APABILA SEBUAH NEGARA YANG TERKENAL KERANA RASUAH YANG BERLELUASA, CUBA MENCEGAHNYA DENGAN MENAIKKAN GAJI KAKITANGANNYA TIGA KALI GANDA, TETAPI HASILNYA IALAH BAYARAN RASUAH YANG DITUNTUT JUGA DINAIKKAN TIGA KALI GANDA+, KATA BELIAU.

OLEH ITU KUNCI PENCEGAHAN RASUAH IALAH MEMBENDUNG PERASAAN TAMAK DAN MENGELAKKAN DARIPADA AMALAN BERBELANJA LEBIH DARIPADA PENDAPATAN, KATANYA SEMASA MERASHIKAN SEMINAR +KE ARAH PENINGKATAN PROGRAM PENCEGAHAN RASUAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM+ DI INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA SESEORANG ITU BERJIMAT, IA TIDAK AKAN TERPERANGKAP DALAM SITUASI YANG MENYEBABKAN IA TIDAK HEMPUNYAL MANG YANG CUKUP UNTUK MENYARA HIDUPNYA. -- LAGI
1225HST 17 10 88

0687

U 0668 AAB
MAHATHIR - RASUAH 2 KUALA LUMPUR

APABILA SESEORANG ITU KEKURANGAN PERBELANJAAN TETAPI INGINKAN GAYA YANG IA TIDAK MAMPU, MAKA LEHAHLAH PENDIRIANNYA TERHADAP SOSOKAN MANG, KATANYA.

+SEKALI DITERIMA SOSOKAN, MAKA IA AKAN TERUS MENERIMA RASUAH SEHINGGALAH IA DIKESAN DAN DIDAKMA KERANA RASUAH,+ KATA BELIAU.

+KAEDAHNYA TIDAK BERBEZA DENGAN PENAGIHAN NAJIS DADAH,+ TESAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BETERUSNYA MENGAITKAN PERBUATAN SUKA BERJUDI SEBAGAI SEBAB KENAPA PENDAPATAN TIDAK MENCUKUPI SEHINGGA SESEORANG ITU SELALU TERDESAK KEKURANGAN MANG DAN TIDAK DAPAT MEMBAYAR HUTANG LANTAS TENGGELAM DALAM GELDRA RASUAH.

BELIAU BERKATA, MALAUPUN HARAPAN UNTUK MEMBASMI SEMUA RASUAH ADALAH TIPIS, KERANA IA SATU PENYAKIT SOSIAL YANG TERDAPAT DI MANA-MANA SAHAJA DI DUNIA, TETAPI INI TIDAK BERMAKNA MASYARAKAT HARUS MEMBIARKAN ATAU BERTOLAK ANSUR DENGAN RASUAH TANPA BERUSAHA MENGURANGKANNYA.

OLEH ITU FAKTOR TERPENTING KE ARAH PENGURANGAN RASUAH, IALAH BIKAP DAN NILAI HIDUP YANG DIAMALKAN OLEH SESUATU MASYARAKAT. -- LAGI
1227HST 17 10 88

U 8473 AAB
MAHATHIR-RASUAH 3 KUALA LUMPUR

+JIKA MASYARAKAT MEMANDANG RINGAN TERHADAP AMALAN RASUAH DAN TIDAK MEMANDANG HINA KEPADA PELAKU RASUAH, MAKA RASUAH AKAN MENJADI PERKARA BIASA YANG AKAN DIAHALKAN SECARA TERBUKA, TETAPI JIKA MASYARAKAT BENCI DAN MENGUTUK AMALAN MEREKA, MAKA RASUAH TIDAK AKAN BERKEMBANG+, TEGAS DATUK SERI DR MAHATHIR.

KATANYA, NILAI MULIA YANG MEMBENDUNG NAFSU TAMAK DARIPADA HEMPENGARUHI SESEDRANG DAN MENGEJI PERBUATAN RASUAH, PERLULAH DIPUPUK DI KALANGAN MASYARAKAT.

PERDANA MENTERI BERKATA BUKANLAH MUSTAHIL UNTUK MEMUPUK NILAI-NILAI MULIA ITU KERANA TIDAK DAPAT DINAFIKAN BAHAWA ADA MASYARAKAT YANG TERKENAL DENGAN KELURUSAN MEREKA SEHINGGA TIADA SESIAPA PUN BERANI MENGHULURKAN RASUAH.

KATANYA, TUGAS MENCEGAH RASUAH DAN MEMUPUK NILAI-NILAI MULIA ITU JUGA TERLETAK DI KALANGAN PEMIMPIN MASYARAKAT YANG BUKAN SAHAJA MENYERU KE ARAH AMALAN ITU TETAPI JUGA HARUS MENJADI CONTOH KEPADA MASYARAKAT.

DALAM HAL INI, KATANYA, ADA KALANYA MEREKA YANG TERBABIT DENGAN RASUAH ATAU MEMPUYAI KEPENTINGAN TERTENTU SENTIASA CUBA MENGHALANG SERUAN KE ARAH NILAI-NILAI ANTI RASUAH DENGAN MEMUDUH BAHAWA YANG MENYERU JUGA TERLIBAT DENGAN RASUAH. --LAGI

1243HST 17 10 88

R 8681 BAH

MAHATHIR-RASUAH 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENEGASKAN, PERBUATAN YANG MENGGABALKAN SERUAN KE ARAH KEBAIKAN SEPerti ITU AMATLAH TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN KEJI SERTA HARUS DIPANDANG HINA OLEH MASYARAKAT.

KATANYA, RASUAH AKAN TERUS BERLELUASA JIKA MEREKA YANG DIBERI TANGGUNGJAWAB UNTUK BERTINDAK TERHADAP PELAKU RASUAH, TIDAK BANGSUP BERBUAT DEMIKIAN.

+CONTOHNYA APABILA KETUA JABATAN ATAU LEMBAGA TATATERTIB JABATAN ITU ENGGAN MELAPOR ATAU MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP KAKITANGANNYA SENDIRI KERANA KASIHAN ATAU CUBA MELINDUNGI INEJ JABATAN MASING-MASING, MAKA PELAKU RASUAH ITU AKAN MENJADI LEBIH BERANI MALAH KAKITANGAN LAIN TURUT MEMBENARKAN DIRI MEREKA MENERIMA RASUAH+.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA BOLEH BERBANGGA KERANA RASUAH TIDAKLAH SEBURUK SEHINGGA IA DILAKUKAN SECARA TERBUKA, MAHUN DEMIKIAN ORANGRAMAI PERLU BERTINDAK MENGURANGKAN RASUAH YANG DIRAHSIAKAN ITU.

PENUBUHAN BADAN PENCEGAH RASUAH (BPR) ADALAH ANTARA SATU CARA MENGATASI PERBUATAN ITU DAN BPR, MENURUTNYA, TELAH BERJAYA MENGURANGKAN AMALAN RASUAH ITU.

+JIKA TIDAK, RASUAH AKAN BERLELUASA DAN MENJADI AMALAN TERBUKA -- IAITU APABILA SESUATU URUSAN PERLU DIBUAT OLEH ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN, MAKA BAYARAN TERTENTU MESTI DIBUAT+. --LAGI

1346HST 17 10 88

0725

R 8683 AAB
MAHATHIR-RASUAH 5 KUALA LUMPUR

SEHUBUNGAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BAHAWA PENCEGAHAN RASUAH YANG DILAKUKAN SEKARANG TIDAK TERHAD KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN SAHAJA, MALAH SEKTOR SWASTA TURUT DIAMASI KERANA KAKITANGAN MEREKA JUGA BOLEH MEMPERCEPAT ATAU MELAMBATKAN SESUATU URUSAN SEHINGGA ORANG-RAHAI TERPAKSA MEMBERI RASUAH.

BELIAU JUGA MENYENTUH MASALAH KELEWATAN PERBICARAAN KES-KES RASUAH KERANA BEBERAPA SEBAB.

+JIKA KES-KES INI DIBAWA KEPADA LEMBAGA TATATERTIB, HUKUMAN YANG BOLEH DIKENAKAN ADALAH TERLALU RINGAN, SEBALIKNYA JIKA DITUNGGU UNTUK DIBICARAKAN, IA AKAN MENGAMBIL MASA YANG PANJANG KADANG-KADANG SEHINGGA BERTAHUN-TAHUN, MENYEBABKAN KEMUNGKINAN SAKSI DAN PEGAWAI YANG TERLIBAT AKAN LUPA TENTANG BUTIR-BUTIR YANG DIPERLUKAN+.

DI SAMPING ITU, KATANYA, JIKA PEGAWAI YANG DITUDUH DAN TELAH DIGANTUNG KERJA ITU DIDAPATI TIDAK BERSALAH AKHIRNYA, KERAJAAN AKAN KEHILANGAN KHIDMATNYA SEMASA DIGANTUNG KERJA DAN SEBALIKNYA JIKA IA DIDAPATI BERSALAH, MAKA SEPARUH GAJI YANG DIBAYAR KEPADANYA SEMASA DIGANTUNG KERJA ADALAH SIA-SIA.

PERDANA MENTERI MENGINSATKAN ORANG RAHAI BAHAWA PROJEK-PROJEK YANG MENELAM BELANJA BESAR PADA MASA MALAYSIA MELANKAH MENJADI SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN, AKAN MENAMBAHKAN KEMUNGKINAN BERTA PELUANG UNTUK BERLAKUNYA RASUAH DI KALANGAN PIHAK TERTENTU.

OLEH ITU, KATANYA, JIKA USAHA PENCEGAHAN RASUAH TIDAK DIPERTINGKATKAN, IA BOLEH MENJEJASKAN PELABURAN ASING DI NEGARA INI.

SEMINAR DUA HARI ANJURAN BPR ITU DIHADIRI OLEH KETUA-KETUA JABATAN PERINGKAT KEMENTERIAN, JABATAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI. --
BERNAHA

1349HST 17 10 88